



SIARAN AKHBAR

INVESTMENT CHALLENGE 2017 **23 SYAWAL 1438 BERSAMAAN DENGAN 18 JULAI 2017**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah bagi *Investment Challenge 2017* pada hari Khamis, 13 Julai 2017. Pertandingan yang dianjurkan bersama oleh AMBD dan Brunei Darussalam Capital Market Association (BCMA) ini, telah dilancarkan pada 25 Mei 2017 yang lalu dan dibukakan kepada mahasiswa-mahasiswa dari institusi-institusi pengajian tinggi Negara Brunei Darussalam. Objektif utama pertandingan ini adalah untuk memupuk kesedaran mengenai pelaburan kewangan, memperkenalkan konsep *asset allocation* dan menjana minat terhadap pelaburan kewangan dan pasaran modal.
2. Tujuh kumpulan terdiri dari empat pelajar bagi setiap pasukan telah menyertai pertandingan ini. Institusi-institusi pengajian yang turut serta adalah Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej International Graduate Studies (IGS) dan Politeknik Brunei.
3. Pertandingan ini telah diadakan selama empat minggu bermula dari 26 Mei 2017 sehingga 23 Jun 2017. Pada awal pertandingan ini, satu bengkel pengenalan pelaburan telah diadakan oleh ahli-ahli BCMA. Empat juri juga telah dilantik bagi pertandingan ini untuk menilai prestasi setiap pasukan berdasarkan kepada beberapa kriteria yang telah ditetapkan temasuk kadar pulangan pelaburan, strategi *portfolio diversification* dan analisis strategi pelaburan secara *qualitative*.
4. Hadir untuk menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah YM Awang Yusof bin Haji Abd Rahman, Pengarah Urusan AMBD. Tempat pertama telah disandang oleh pasukan UNISSA LANS dengan memenangi hadiah teratas bagi program *work attachment* selama 5 hari bersama Lion Global Investors Limited di Singapura, trofi dan hadiah-hadiah iringan. Tempat kedua telah disandang oleh pasukan dari UTB dengan memenangi program *work attachment* selama 3 bulan di Baiduri Capital dan BIBD Securities, trofi dan hadiah-hadiah iringan. Tempat ketiga telah disandang oleh pasukan UNISSA Year 3. Hadiah-hadiah ini ditaja oleh AMBD, Lion Global Investors Limited, UOB Asset Management, Baiduri Capital dan BIBD Securities.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 23 Syawal 1438 / 18 Julai 2017

Ref: AMBD/COMMS.3